

Peribahasa:Manifestasi Pemikiran Aras Tinggi Bangsa

Rozita Radhiah Said

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM

ABSTRAK

Kajian analisis wacana teks ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam peribahasa yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu menengah atas. Peribahasa merupakan refleksi kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) masyarakat. Ternyata sehingga hari ini budaya penggunaan peribahasa masih mampu menyuntik keindahan dalam penulisan dan pertuturan. Kajian ini mengenal pasti 40 buah peribahasa yang digunakan dalam pelbagai aras, pelbagai konteks dan pelbagai kemahiran dalam kedua-dua buku teks tingkatan empat dan tingkatan lima ini. Setiap satu penggunaannya perlu difahami dalam konteks kerana peribahasa yang tercatat hanya merupakan ujaran harfiah. Semua andaian kontekstual dan pengetahuan latar belakang dalam lingkungan kehidupan masyarakat Melayu membantu murid memperoleh maksud yang sebenar. Pengamatan serta kedalaman makna yang cuba disampaikan melalui peribahasa tetap ampuh mendukung maksud sesuatu situasi dalam kontekstual yang berbeza-beza, merentasi masa dan keperluan zaman. Keindahan bahasa, ketajaman akal, kekuatan pemerhatian, ketepatan kosa kata, kedalaman makna, kesantunan perlambangan, kejituan analogi serta kelestarian dokongan makna sangat jelas melambangkan ketinggian akal budi serta budaya berfikir dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian analisis teks ini dibuat untuk membuktikan bahawa unsur KBAT dalam peribahasa telah lama dibudayakan dalam cara berfikir masyarakat Melayu. Implikasinya, jika bahasa merupakan pengenalan kepada bangsa, maka peribahasa pula menjadi pelengkap yang memungkinkan pelbagai mesej disampaikan dengan pelbagai kaedah oleh sistem dan struktur bahasa itu sendiri. Oleh itu, mendidik anak bangsa berfikir menggunakan peribahasa merupakan satu budaya yang perlu dilaksanakan dengan lebih tegas dalam kurikulum pendidikan negara. KBAT mampu memacu anak bangsa untuk maju secara global tetapi dalam masa yang sama masih mengekalkan ketinggian budaya ketimuran dengan bertunjangkan agama tanpa peminggiran teknologi serta keperluan semasa.

Kata kunci: analisis wacana, budaya, KBAT, pendidikan, peribahasa Melayu

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

radhiahrozita@upm.edu.my (Rozita Radhiah)

*Penulis penghubung

Proverbs: Manifestation of The Malay Race Higher Order Thinking Skills

ABSTRACT

The discourse analysis of this text is to show the mindset of the Malay culture through the use of proverbs. Analogically, the Malay proverb does reflect higher order thinking skills (HOTS) among the community. It turns out that today the culture of using proverbs is still capable of injecting beauty in writings and speeches. The finding shows that the 40 proverbs written in Malay Language text book and syllabus in teaching proverb at secondary schools is very rich in HOTS element, very much in line with the National Philosophy of Education under the Education Transformation Plan. Observations and depth of the meaning that is trying to be conveyed through proverbs is still very potent, supporting the different contextual meanings of situations across time and the needs of the century. The beauty of the language, the sharpness of the mind, the power of observation, accuracy of vocabulary, depth of meaning, symbolism politeness, accuracy of analogy, all the while supporting the sustainability of meaning clearly signifies the wisdom and culture of thinking among the Malays. This text analysis study is carried out to prove that HOTS element in the Malay proverbs has long been cultivated in the mindset of the Malays. The implication is that if language is to introduce a nation, thus, proverbs complement the possibility of multiple messages to be delivered in various ways by a system and structure of the language itself. Therefore, educating people to think using proverbs as a culture needs to be inculcated diligently in the national education curriculum. HOTS is capable of spurring the nation to advance globally but at the same time still perpetuating the eastern culture that is rooted in religion without sidelining technology and current needs.

Keywords: discourse analysis, culture, HOTS, education, Malay proverb

PENGENALAN

Kajian analisis teks ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan unsur KBAT dalam peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu (BM) sekolah menengah di Malaysia. Peribahasa merupakan ayat atau sekumpulan kata tersusun yang mendukung makna atau maksud tertentu. Susunan katanya pendek dan mantap, sedap didengar juga menjadi pengucapan dalam kalangan masyarakat Melayu sejak turun temurun (Za'ba, 2002). Seseorang yang mahir menggunakan peribahasa dianggap telah menguasai kemahiran berbahasa dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bahasa Melayu (Lokman Abdul Samad, 2014). Pengetahuan yang tinggi dalam bahasa dapat dinilai apabila pengguna bahasa mampu melalui satu proses intelektual yang melibatkan pembentukan konsep. Kajian ini cuba membuktikan bahawa peribahasa ialah aplikasi bahasa dengan cara menganalisis, mensintaksis atau menilai informasi yang terkumpul yang dihasilkan melalui pengamatan, pengalaman, refleksi, pentaakulan, atau komunikasi. Secara analoginya, peribahasa Melayu merefleksi kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) masyarakat (Zaitul Azma et.al, 2011, NurAfiqah Wan Mansur et.al, 2016). Hal ini telah dinyatakan terdahulu oleh Indirawati Zahid (1998) iaitu beliau mengatakan bahawa peribahasa merupakan cabang kekayaan bahasa yang dimiliki oleh semua bahasa dan merupakan satu ungkapan yang tersirat maknanya, cukup mendalam lagi persis untuk

tujuan kelancaran komunikasi lisan mahupun tulisan. Ternyata sehingga hari ini, budaya penggunaan peribahasa masih mampu menyuntik keindahan dalam penulisan dan pertuturan, malah menurut Lokman Abdul Samad (2004), peribahasa ialah lambang keserjanaan Melayu.

Permasalahan Kajian

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2012), perkembangan sistem pendidikan pascasRazak telah melemahkan kedudukan bahasa Melayu akibat polisi baharu yang menekankan kepentingan sains dan teknologi. Apatah lagi aspek penguasaan bahasa Melayu semakin merosot dalam kalangan remaja. Dalam aspek mikronya, remaja atau golongan muda didapati agak sukar memahami peribahasa, tambahan pula jika mereka tidak dapat memahami makna literal yang dikonsepsikan oleh peribahasa. Justeru, menurut kajian Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar (2016), golongan muda tidak akan dapat membentuk andaian konteks, iaitu maksud tersirat yang dimplikasikan oleh peribahasa tersebut melalui proses inferens pragmatik. Manakala kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah dan Junaini (2010) pula mendapati, aspek penghayatan terhadap peribahasa dalam kalangan remaja menunjukkan bahawa lebih daripada 60 peratus remaja gagal menguasai kemahiran peribahasa dengan baik.

Kajian analisis teks ini cuba meninjau dan menunjukkan bahawa mempelajari peribahasa bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran berfikir, malah murid akan dapat mengenali jati diri bangsa Melayu di samping dapat memperhatikan aktiviti kehidupan seharian serta sumbangan alam sekeliling kepada diri kita dengan lebih bermakna.

Objektif Kajian

Tujuan kajian analisis teks ini adalah untuk mengenal pasti aras pemikiran (KBAT) yang digunakan dalam peribahasa Melayu berdasarkan buku teks BM menengah atas. Daripada peribahasa itu akan dilihat juga jenis perbandingan unsur KBAT yang dijadikan rujukan pemikiran aras tinggi masyarakat. Setiap satu peribahasa yang dipetik daripada teks hanya merupakan ujaran harfiah, iaitu merupakan bentuk logik andaian yang terbina daripada konteks unsur alam di sekeliling kehidupan kita seharian. Semua andaian kontekstual dan pengetahuan latar belakang dalam lingkungan kehidupan masyarakat Melayu dapat membantu murid memperoleh maksud peribahasa yang sebenar. Kajian ini seterusnya akan menghuraikan tujuan masyarakat Melayu menggunakan pemikiran aras tinggi melalui ungkapan peribahasa dalam kehidupan seharian.

Kepentingan Kajian

Masyarakat amnya dan golongan muda khususnya perlu didedahkan sebaik mungkin sejak alam persekolahan dengan amalan dan kemahiran penggunaan peribahasa. Generasi muda serta penggubal sukatan bagi mata pelajaran BM perlu sedar bahawa peribahasa ialah pelengkap bahasa dan bukti jati diri bangsa melalui gambaran budaya kehidupan nenek moyang kita turun temurun lamanya. Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memasukkan peribahasa dalam Sukatan Pelajaran Tingkatan 4 dan 5 sebagai

mata pelajaran wajib lulus untuk tujuan pensijilan sangat dialu-alukan. Memandangkan peribahasa ini mendukung nilai, kepercayaan dan falsafah hidup yang tinggi dan mendalam, maka peribahasa ini harus dikembangkan penggunaannya dan diajar secara tekal kepada generasi muda hari ini.. Dengan cara ini, kelestarian peribahasa akan terpelihara, dan murid akan dapat menggunakan peribahasa untuk menyampaikan maksud serta buah fikiranannya dengan cara yang lebih menarik. Malah peribahasa juga sangat berkesan untuk merumus sesuatu situasi atau keadaan.

Batasan Kajian

Peribahasa dalam kajian ini hanya merujuk kepada senarai peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Bahasa Melayu Tingkatan 5, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan KPM (2003). Menurut Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah (2002), jenis peribahasa yang perlu dikuasai oleh murid merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilang, dan kata-kata hikmat. Pemilihan peribahasa dalam buku teks ini dipilih dengan mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia (KPM, 2000). Kajian analisis wacana teks dalam kajian ini pula berfokus kepada peribahasa dan hanya akan dikaji menggunakan model social cognitive Van Dijk. Manakala, definisi KBAT dalam kajian ini merujuk kepada takrifan Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) berdasarkan Taksonomi Anderson (1990-an) yang telah membuat penambahbaikan pada Taksonomi Bloom yang asal. KBAT didefinisikan sebagai satu keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Dalam konteks kajian ini, penginterpretasian makna tersirat sesuatu peribahasa memerlukan proses inferens yang melibatkan aras kognitif yang tinggi. Kejayaan proses inferens ini pula sangat bergantung pada maklumat latar belakang yang lengkap dan pengetahuan dalam konteks penggunaan yang betul.

KAJIAN LITERATUR

Di Malaysia, satu contoh kajian yang dikategorikan sebagai analisis wacana ialah kajian yang dilakukan oleh Kamila Ghazali (1999) yang berjudul *A Critical Discourse of the Speeches of Dr. Mahathir Mohamad*. Kamila memilih 15 teks ucapan Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO semasa merasmikan Perhimpunan Agung UMNO mulai 1982 hingga 1996. Manakala Idris Aman (2010) pula telah menggarap kajian yang dilakukan oleh para sarjana dan kedoktoran di Malaysia tentang analisis wacana bahasa Melayu. Beliau membahagikan kajian tersebut kepada dua kelompok, iaitu analisis wacana kritis dan analisis wacana bukan kritis. Menurut beliau, analisis wacana kritis melihat penggunaan bahasa daripada dua sudut. Pertamanya, cara amalan wacana dibentuk berdasarkan faktor sosial dan kedua, cara bahasa atau amalan wacana berkenaan memberikan kesan kepada aspek sosial. Manakala analisis wacana bukan kritis pula hanya melihat aspek tertentu dalam wacana sama ada bahasa, jenis wacana, peribahasa, tatabahasa, dan sebagainya.

Jika ditinjau lima tahun belakangan, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan peribahasa. Antaranya ialah kajian yang dibuat oleh Hawiyah Baba & Nor Hashimah Jalaluddin (2015) bertajuk 'Nilai Melayu dalam Simpulan Bahasa: Analisis Pragmatik.' Beliau dan rakan telah berjaya membuktikan bahawa penggunaan peribahasa seperti simpulan bahasa merupakan serampang dua mata orang Melayu. Serampang dua mata bermaksud penggunaan satu perkara untuk dua tujuan yang berlainan. Menurut beliau lagi, kemahiran berfikir aras tinggi dalam ungkapan peribahasa bukan sahaja digunakan untuk tujuan mendidik, malah lebih luas daripada maksud selapisnya. Peribahasa juga digunakan untuk tujuan menyindir, menasihati dan berkias. Peribahasa merupakan medium untuk menyelitkan pengajaran nilai Melayu kepada pembaca atau pendengar. Nilai malu yang berkait rapat dengan nilai maruah merupakan nilai yang ditemukan dalam penggunaan peribahasa. Untuk membuktikan ketinggian cara berfikir dalam peribahasa, kajian Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar (2016) menunjukkan input yang sangat signifikan, iaitu ramai murid tidak memahami maksud tersirat atau maksud implisit yang didukung oleh sesebuah peribahasa. Beliau menyimpulkan bahawa ketidakmampuan murid memahami dan menginterpretasikan maksud peribahasa disebabkan oleh beberapa faktor seperti tidak memahami makna leksikal, tidak memahami peluasan makna sesuatu leksikal, tiadanya maklumat latar belakang (entri ensiklopedik) tentang sifat ataupun ciri yang didukung oleh sesuatu item atau peristiwa dan tidak dapat mengaplikasikan maklumat latar belakang pada maklumat baharu yang diterima (prosedur pemahaman).

Manakala dalam kajian Ahmad Mahmood Musanif et al, (2010) bertajuk 'Pengetahuan Makna Peribahasa dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah', menunjukkan hal yang sebaliknya, iaitu beliau mendapati bahawa murid mempunyai pengetahuan peribahasa yang berkisar di sekitar kehidupan mereka, iaitu peribahasa yang selalu diajarkan di sekolah dan peribahasa yang sering diungkapkan dalam kehidupan seharian. Kajian ini turut memperlihatkan bahawa murid memahami dan menerima peranan peribahasa Melayu yang sering merujuk kepada unsur alam sekeliling untuk dikiaskan dalam percakapan dan penulisan sebagai gambaran akhlak dan ketinggian akal budi masyarakat penuturnya. Maka peribahasa memang sangat sesuai dijadikan wadah untuk menyampaikan pengajaran dan menerapkan nilai kemanusiaan sejagat. Hal ini bertepatan dengan penciptaan peribahasa yang memainkan peranan sebagai alat didaktik dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu dan sekarang. Selain itu, dapatan kajian ini juga menjelaskan bahawa faktor persekitaran sosial, pematangan melalui pengalaman dan kognitif turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengetahuan peribahasa dalam diri murid.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini terdiri daripada tiga perkara utama, iaitu pendekatan, pengumpulan data, dan pengolahan dan analisis data.

Pendekatan

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan wacana teks yang menggunakan kaedah secara kualitatif. Kajian ini merupakan kajian analisis wacana peribahasa berdasarkan teks, pemikiran serta konteks sosial dalam masyarakat. Kajian ini akan berfokus kepada model „social cognitive“ model Van Dijk (1999) yang menggambarkan wacana teks sebagai memiliki tiga dimensi, iaitu teks, kognisi sosial, dan konteks sosial.



Rajah 1: Model Analisis Wacana Van Dijk
Sumber: Eriyanto, 2001: 225

Teks

Menurut Van Dijk (1999), fokus teks terarah kepada susunan atau struktur teks dan strategi wacana yang digunakan untuk menyatakan sesuatu hal. Struktur teks wacana terbina daripada tiga unsur, iaitu struktur makro (makna umum yang dilihat daripada sesuatu tajuk wacana), superstruktur (susunan/kerangka sesuatu teks dijalin), dan struktur mikro (makna wacana yang dilihat dari sudut pemilihan kata, kalimat, gaya/retorik sesuatu teks). Dalam kajian ini susunan atau struktur teks ialah peribahasa.

Kognisi Sosial

Analisis wacana teks dalam konteks kognisi sosial pula merupakan satu usaha mengungkapkannya maksud tersembunyi atau tersirat di sebalik sesuatu data bahasa (peribahasa), atau dengan perkataan lain penjelasan makna (Idris Aman, 2010). Berdasarkan Model Analisis Wacana Van Dijk analisis struktur teks sahaja tidak mampu memaknakan unsur yang wujud di sebalik sesebuah teks secara abstrak. Untuk memahaminya, kognisi /pemikiran serta konteks sosial masyarakat membantu menggambarkan secara keseluruhan persembahan atau representasi teks serta strategi wacana yang digunakan.

Konteks Sosial

Wacana tidak terbina oleh struktur teks semata-mata. Sesuatu teks itu perlu dilihat dengan berdasarkan proses wacana itu dihasilkan oleh masyarakat pengguna itu sendiri. Untuk mencapai tujuan ini, konteks sosial menjadi elemen penting dalam analisis sosial. Fairclough dan Wodak (1997) menggambarkan bahawa analisis wacana teks sebagai satu praktik sosial yang mempunyai hubungan dialektik antara peristiwa diskursif tertentu dengan situasi, intuisi dan struktur yang membentuknya.

Analisis wacana ini merupakan satu kaedah multidisiplin, iaitu melihat sesuatu wacana daripada pelbagai sudut untuk memberikan makna suatu bentuk tafsiran yang bersepadu. Tafsiran sesuatu wacana itu betul mengikut konteksnya sangat bergantung kepada persepsi, budaya, kepercayaan dan agama, ideologi serta latar pendidikan juga keturunan. Analisis wacana dalam konteks sosial merupakan satu pendekatan linguistik yang membuat perkaitan antara teks (peribahasa lisan dan tulisan) dengan susunan atur struktur bahasa dengan melihat proses sosiobudaya masyarakat yang terlibat.

Justeru, dalam kajian ini, peribahasa akan dilihat sebagai teks KBAT yang terhasil berpaksikan kognisi sosial, manakala konteks sosial pula mampu menjelaskan fenomena dalaman mengapa peribahasa itu dipilih serta digunakan.

Pengumpulan Data

Data dalam kajian ini merupakan sejumlah peribahasa yang diambil secara terus daripada buku teks Bahasa Melayu sekolah menengah tingkatan empat dan tingkatan lima. Semua peribahasa terpilih ini terkandung dalam kurikulum kebangsaan untuk Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah Menengah seluruh Malaysia. Data yang dikumpulkan ini kemudiannya disaring, dikelompok dan dianalisis mengikut objektif kajian.

Pengolahan dan Analisis Data


Selaras dengan kaedah kualitatif yang digunakan, pengolahan kajian ini bersifat deskriptif. Oleh sebab data kajian yang diteliti menggunakan pendekatan analisis wacana Van Dijk, maka kajian ini memerlukan penelitian dan pentafsiran berdasarkan latar dan fenomena yang melatari data kajian. Data ini kemudian akan dikupas berdasarkan objektif kajian, iaitu kekayaan unsur KBAT sebagai manifestasi pemikiran budaya aras tinggi bangsa Melayu.

Berdasarkan pendekatan analisis teks beberapa prosedur pengumpulan data dan analisis data akan ditadbir mengikut prinsip cadangan terpilih Van Dijk (1999: 271-280), iaitu menyimpulkan dan menyenaraikan prinsip analisis wacana seperti yang berikut.

- i. Analisis memfokuskan kajian terhadap persoalan sosial
- ii. Analisis pembentuk masyarakat dan budaya
- iii. Analisis ialah interpretasi dan penjelasan
- iv. Perkaitan antara teks dan masyarakat adalah sebagai “pengantara”
- v. Satu bentuk tindakan sosial

Kerangka Teoretikal Kajian

Kerangka Teoretikal Kajian



Rajah 2: Kerangka Kajian Unsur KBAT dalam Peribahasa

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dan analisis data ditadbir mengikut objektif kajian dan prinsip cadangan terpilih serta model “social cognitive” model Van Dijk (1999) yang menggambarkan wacana sebagai memiliki tiga dimensi, iaitu teks, kognisi sosial, dan konteks sosial, seperti yang berikut.

Bil	Peribahasa dalam teks	Aras KBAT C4 - Analisis C5 - Sintesis C6 - Penilaian C6 - Penilaian	Maksud kognisi dan konteks sosial
1.	Segenggam digunungkan, setitik dilautkan	membuat inferens	memperbesar-besar perkara yang kecil
2.	Seikat bagai sirih, serumpun bagai serai	menghubung kait sifat	Terikat bersatu dalam satu kelompok yang sama/ negara
3.	Tak berpucuk di atas enau	mengkritik /menyimpulkan sesuatu perbuatan	Mendapat pangkat/ kejayaan dengan cara memanjat atau memaut kepada yang lain

4.	Berpahat dalam baris, berkata dalam pustaka	mengatur, mewajarkan susunan	Mengerjakan sesuatu mengikut peraturan supaya selamat
5.	Duduk di atas bara	membandingkan	Sentiasa berasa gelisah
6.	Duduk dengan cupak dan gantang	menilai, mengadili kepemimpinan	Pemimpin yang sentiasa adil dalam timbangan
7.	Duduk sehamparan, tegak sepermatang	menjelaskan kelas sosial	Orang yang sedarjat dalam adat
8.	Masuk tak genap, keluar tak ganjil	mengkritik sumbangan	Orang yang jika ada tidak membawa faedah dan jika tiada tidak membawa kerugian
9.	Tiada beban batu digalas	menyimpulkan sesuatu keadaan	Mendapat kesusahan kerana mencampuri urusan orang lain
10.	Bagai tekukur mengikut kata	mentafsir sikap	Anak angkat yang menurut kata sahaja apabila diperlakukan oleh orang tua angkatnya
11.	Bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat	membuat inferens sama keadaan	Kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarat.
12.	Darah daging	menghubung kait sifat	Anak dan saudara-mara daripada keturunan sendiri
13.	Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	mengadili sifat	Mengalami susah senang bersama-sama
14.	Tulang belakang	membuat inferens sama fungsi	Punca kekuatan/ orang harapan
15.	Bara yang digenggam biar sampai jadi arang	merumuskan tahap kesukaran	Mengerjakan sesuatu yang sukar hendaklah sabar, sehingga mencapai kejayaan.
16.	Bagai kaca terhempas ke batu	merumuskan kesan kepada sesuatu	Sangat sedih atau kecewa
17.	Melentur buluh biarlah dari rebungnya	merancang sifat	Mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi.
18.	Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	mengorganisasi cara	Dua orang atau pihak yang sama darjat dalam adat
19.	seperti lembu dicucuk hidung	menganalisis sifat	Orang yang selalu menurut kemahuan orang
20.	Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air	membuat keputusan setelah lengkap persediaan	Segala-gala yang dikehendaki sudah diperoleh

21.	Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	menyimpulkan ketahanan daripada perubahan cuaca	Adat yang tidak berubah; sesuatu yang tetap utuh
22.	Bagai aur dengan tebing	menghubungkan kan peranan dua unsur alam	Hubungan yang rapat antara sama sama yang lain dan saling membantu.
23.	Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai	merancang dan meramal keadaan bakal ditempuhi	Kalau takut berhadapan dengan penderitaan , lebih baik jangan melakukan sesuatu yang susah
24.	Indah khabar daripada rupa	mentafsir keadaan	Perkhabaran tentang sesuatu perkara yang dlebih-lebihkan
25.	Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah	mengadili, mewajarkan keuntungan	Pengagihan yang sama banyak.
26.	Kacang lupakan kulit	mengkritik sikap	Orang yang melupakan asalnya atau orang yang pernah menolongnya setelah mendapat kesenangan.
27.	Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung	mewajarkan sikap	Menurut adat atau peraturan di tempat yang kita diami atau tinggal.
28.	Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak	mewajarkan sikap	Menyesuaikan diri dengan tempat dan keadaan
29.	Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua	mengkritik sikap	kesilapan yang dilakukan oleh seseorang menyebabkan orang lain yang menerima akibatnya..
30.	Memerah otak	menilai	Berfikir dengan bersungguh-sungguh
31.	Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya	mengenal pasti cara	Tak akan tercapai maksudnya kalau tak mahu berusaha dan bersusah payah

32.	Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian	merancang, meramal tindakan	Bersusah payah terlebih dahulu untuk mendapatkan kesenangan pada kemudian hari
33.	Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang	menyimpulkan keadaan	Sesuatu benda tidak akan datang tanpa usaha
34.	Bak cendawan tumbuh selepas hujan	menjelaskan keadaan yang berlaku secara mendadak/cepat	Terlalu banyak pada sesuatu masa.
35.	Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat.	merumuskan, membandingkan keadaan	Kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarat.
36.	Yang kita kejar tak dapat, yang kita kendong pula berciciran	mengkritik, meramalkan tindakan	Bernasib malang kerana setelah memperoleh sesuatu, tetapi yang sudah di tangan hilang pula.
37.	Tuan rumah	membuat inferens	tempat berlangsungnya sesuatu acara
38.	Yang lama dikelek, yang baharu didukung	mewajarkan tindakan	Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu
39.	Bagai ikan pulang ke lubuk	menyimpulkan perjalanan kehidupan	Orang yang pulang ke tempat asal
40.	Mencari jalan	merumuskan perbuatan	Berikhtiar menyelesaikan sesuatu perkara

Perbandingan makna

Kemahiran mencipta makna baharu ialah kemahiran menggunakan bahasa secara kreatif dan ini ialah kemahiran aras tinggi. Dalam peribahasa, makna sesuatu perkataan diperluas supaya membawa dan meliputi maksud yang baharu. Menurut Za'ba (2002), peribahasa membawa maksud dengan diumpamakan kepada sesuatu yang lain sehingga menerbitkan makna dua lapis.

Bil.	Jenis Perbandingan	Unsur alam	Makna Kognisi Sosial
1.	Perbandingan makna	digunungan, dilautkan	menjadikan tinggi dan banyak
		tuan rumah- tuan empunya tempat	tempat/ orang/ badan menganjurkan sesuatu majlis atau keramaian
		dikelek, didukung	membawa sesuatu dalam keadaan sedang menjunjung sesuatu yang lain
		mencari jalan	berikhtiar
		ikan- berenang lepas bebas,	bebas merantau,
		lubuk, sarang	kembali kepada asal-usul
		memerah	usaha atau perbuatan untuk mengeluarkan sesuatu
		otak	akal fikiran

Perbandingan rupa bentuk

Mengikut cara ini, sesuatu yang hendak diceritakan sifatnya dibandingkan dengan sesuatu benda lain yang mempunyai ciri rupa bentuk yang serupa. Sebagai contoh, seseorang yang ada telinga tetapi tidak mendengar nasihat yang diberi dibandingkan telinganya itu dengan pemegang pada bahagian kiri dan kanan kualiti. Ada sahaja tetapi tidak digunakan untuk mendengar, maka dibandingkan telinga manusia yang tidak mendengar nasihat itu “seperti telinga kualiti” (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2002).

2.	Perbandingan rupa bentuk	Sehampan- tikar atau padang yang rata, Sepermatang – tanah yang mempunyai ketinggian yang sama	mempunyai taraf/ kedudukan yang sama dalam sistem sosialisasi
		Bumi dipijak	Kedudukan bumi di bawah tapak kaki/ tanah yang dipijak
		Langit dijunjung	Ketinggian langit di atas kepala/ dijunjung
		Bulat air	Biasanya air tiada sifat tetapi boleh dibentuk/ dijadikan bulat dengan bekas dipanggil pembentung
		pembentung	Acuan, bekas tadahan air
		Cupak dan gantang – alatan timbang berat	Pemimpin perlu membuat keputusan yang betul setelah mempertimbangkan semua aspek

Perbandingan Sifat

Mengikut kaedah ini, sesuatu benda dibandingkan dengan benda lain yang serupa sifatnya walaupun rupa bentuknya berlainan. Sebagai contoh, seorang tua yang tidak boleh bekerja lagi dibandingkan dengan Quran buruk. Kedua-dua perkara itu sangat berlainan rupa bentuknya. Yang satu manusia yang satu lagi kitab, tetapi kedua-duanya mempunyai sifat serta kemuliaan yang serupa dan tidak boleh dibuang sesuka hati (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2002).

Penggunaan peribahasa dalam konteks masyarakat melambangkan sifat orang Melayu yang terkenal dengan lemah lembut dan penuh santun memungkinkan percakapan perlu beralas. Seumpama menyebut sesuatu perkara tidak secara terlalu berterus terang maka mereka sering meluahkan rasa hati melalui kata-kata simbolik, indah dan tersusun. Ungkapan peribahasa yang diterbitkan ini dengan jelas memperlihatkan aras intelektualiti masyarakat penuturnya. Bukan sesuatu yang mudah apabila seseorang boleh menuturkan sesuatu perkara yang lain dengan sangat teratur dan mendalam padahal dalam masa yang sama sedang memperkatakan suatu perkara yang lain. Hal sebegini memerlukan kefahaman yang jelas serta aras pemikiran tinggi ini serta nilai pengamatan yang tajam, pemerhatian yang mendalam terhadap budaya, cara hidup, amalan serta pengalaman hidup rakyat jelata. Para cendekiawan Melayu juga banyak memainkan peranan mengungkapkan falsafah yang mendalam tentang aspek ketamadunan, pemikiran, ethos dan moral bangsa Melayu sejak sekian lama (Abdul Samad Idris, 1994). Dalam konteks kemasyarakatan pula, peribahasa

mempunyai dua tujuan utama, iaitu menyembunyikan ungkapan atau kata kasar dan menghuraikan sistem adat Melayu. Sebagai bangsa yang beragama Islam, tradisi menjaga tutur kata diperkukuh seiring dengan ajaran agama. Pada kebiasaannya, masyarakat Melayu tidak gemar berterus terang dalam menyatakan sesuatu yang tidak digemarinya, iaitu dengan kata lain menjaga tutur kata. Contohnya peribahasa “duduk dengan cupak dan gantang” menggambarkan kepentingan alat menyukat timbangan dalam urusan perniagaan atau untuk mewajarkan sesuatu jumlah mengikut jumlah yang dikehendaki. Maka penggunaan cupak dan gantang juga dapat menggambarkan pertimbangan untuk keadilan dalam membuat keputusan

Secara analoginya, peribahasa Melayu merefleksikan KBAT masyarakat. Ternyata sehingga hari ini budaya penggunaan peribahasa masih mampu menyuntik keindahan dalam penulisan dan pertuturan. Pengamatan serta kedalaman makna yang cuba disampaikan melalui peribahasa masih ampuh mendukung maksud sesuatu situasi dalam kontekstual yang berbeza, merentasi keperluan zaman. Oleh itu, mendidik anak bangsa berfikir menggunakan peribahasa merupakan satu budaya yang perlu dilaksanakan dengan lebih tegas dalam kurikulum pendidikan negara. KBAT mampu memacu anak bangsa untuk maju secara global tetapi dalam masa yang sama masih mengekalkan ketinggian budaya ketimuran dengan bertunjangkan agama tanpa peminggiran teknologi serta keperluan semasa. Jelaslah di sini bahawa pemilihan peribahasa yang tertulis dalam buku teks dan diajar kepada murid di sekolah membantu murid berfikir, memperhatikan, bertindak malah mencontohi apa-apa sahaja perkara yang dilihat di sekeliling mereka. Melalui peribahasa Melayu ini, murid tidak akan melihat sesuatu perkara dengan mata kasar sahaja malah mereka akan diajar melihat dengan mata hati juga. Begitu juga dalam percakapan, penulisan dan pembacaan murid akan lebih mudah membuat analogi tentang ilmu yang dipelajari mereka dengan fitrah alamiah dalam kehidupan. Kaedah guru Bahasa Melayu mengajarkan peribahasa perlu lebih jelas, berinformasi, telus dan kreatif.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia menerapkan pengajaran peribahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dianggap dapat mengatasi masalah kabur generasi baharu terhadap ketinggian pemikiran bangsa. Untuk menghasilkan peribahasa, tiga sumber utama digunakan oleh masyarakat penuturnya, iaitu yang pertama melalui pengalaman hidup khususnya dalam kalangan rakyat biasa, kedua melalui penaakulan para bijak pandai dan ketiga menerusi sumber yang didapati daripada kitab suci (Abdullah Hussain, 1965). Hasilnya, peribahasa yang bermain di mulut orang Melayu bukan sahaja mendukung isi yang tepat dan kias ibarat yang tajam, malah ungkapan kalimat bahasa yang dihasilkan amat teratur, ringkas dan padat. Oleh itu, perlu disedari bahawa peribahasa dalam fungsinya menyampaikan pengajaran, teladan dan sindiran mempunyai ciri pelembut agar pendengar atau pembacanya tidak mudah terasa hati. Pada masa yang sama, unsur didaktik yang dibawa melalui peribahasa juga akan dapat memberikan impak yang besar ke atas pemikiran serta perasaan generasi muda yang masih dibangku sekolah atau kepada sesiapa sahaja yang mendengarnya.

Dalam era globalisasi pada hari ini, penggunaan peribahasa amat penting dalam

memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Nilai dan norma masyarakat Melayu juga kadangkala tergugat akibat daripada penggunaan bahasa yang terlalu berterus terang dan terbuka. Namun begitu, dalam konteks masyarakat Melayu yang sangat mementingkan nilai norma serta adab sopan, sikap keterbukaan ini perlu ada batasannya. Dalam hal ini, hati budi orang Melayu sebagai pemilik peribahasa ini akan dapat dikenali kerana melalui didikan di sekolah umumnya dan pengajaran di dalam bilik darjah khususnya peribahasa secara langsung atau tidak langsung dapat mendidik generasi muda menjadi warga yang berkeperibadian mulia.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hussain. (1965). Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1965.
- Abdullah Hussain. (1966). Kamus Simpulan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samad Idris (selenggaraan). (1994). Negeri Sembilan: Gemuk Berpupuk, Segar Bersiram Adat Merentas Zaman. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2002). Koleksi Terindah Peribahasa Melayu. Serdang: Loh Print Sdn. Bhd.
- Anderson, Lorin W. & Krathwohl, David R. (2001). A Taxonomy For Learning, Teaching And Assessing: A Revision Of Bloom's Taxonomy. New York. Longman Publishing.
- Bloom B.S. (1956). Taxonomy Of Educational Objectives – Book 1 Cognitive Domain. London: Longman Group Limited.
- Eriyanto. (2001). Analisis Wacana. Pengantar Analisis Wacana Teks media. Yogyakarta: Lkis
- Fairclough, N. & Wodak, R., (1997). Critical Discourse Analysis. Dlm. T. A., Van Dijk (Ed.).
- Discourse As Social Interaction: Discourse Studies A Multidisciplinary Introduction (Vol.2). London: Sage Publication.
- Fisher, R. (2005). Teaching children to think (2nd ed.). Cheltenham: Stanley Thornes.
- Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar. (2016). "Penginterpretasian Peribahasa Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans." dalam Jurnal Bahasa Jilid 16 Bil. 1 /2016
- Hawiyah Baba dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Nilai Melayu dalam Simpulan Bahasa: Analisis Pragmatik. Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015). "Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa" Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 20 - 21 Januari 2015.
- Idris Aman. (2010). Analisis Wacana. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Indrawati Zahid. (1998). "Peribahasa Melayu: Satu klasifikasi Yang Tiada Penentu" dlm. Jurnal Dewan Bahasa 42:11, hlm. 978-84,
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- KBAT (KPM). (2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013 – 2025. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kamila Ghazali. (1999). A Critical Discourse Analysis Of The Speeches Of Dr. Mahathir Mohamad (Disertasi doktoral). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Buku Teks Bahasa

Melayu Tingkatan 4. Terbitan Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5. Terbitan Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur
- Krathwohl, D.R. (2001). A Revision Of Blooms“S Taxanomy. *Theory Into Practice*. 41(4): 212-218
- Lokman Abdul Samad. (2014). “Peribahasa Lambang Kesarjanaan Melayu” dlm. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 2:2, hlm. 91–106 Disember 2004.
- Naggapan, R. (2001). The Teaching Of Higher Order Thinking Skills In Malaysia. *Journal Of Southeast Asian Education*. 2(1), 1-22.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurazikin Wan Ismail. (2012). Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif dlm. [http://www.ukm.my/iman/v2/wp-content/uploads/makalah/IMAN%204\(1\)%20Jan%202016%20-%20\[03\].pdf](http://www.ukm.my/iman/v2/wp-content/uploads/makalah/IMAN%204(1)%20Jan%202016%20-%20[03].pdf) (Capaian 15 Januari 2017).
- NurAfiqah Wan Mansur & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). “Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik.” *Malaysian Journal of Communication*. Jilid 32(1) 2016: 189-206
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan dan Zaharani Ahmad. (2010). Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu. *GEMA OnlineR , Journal of Language Studies*. Penerbit UKM, UKM Press.
- Sapinah Hj. Said. (2004). *Kamus Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pelangi Sdn. Bhd., Malaysia
- Tarigan, G., (1995). *Pengajaran Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka
- Za’ba. (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaitul Azma & Zainon Hamzah. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 31 Volume 11(3) September 2011 ISSN: 1675-8021 Universiti Putra Malaysia.
- Van Dijk, T. A. (2002). Introduction: The Role Of Discourse Analysis In Society. dlm. T.A, Van Dijk (Ed.), *Handbook Works*. Kuala Lumpur
- Van Dijk, T.A. (1999). ‘Social Cognition and Discourse’ dalam Howard Giles & Peter (ed). *Handbook Of Language And Social Psychology*, New York: Wiley